

PSS SMK Pantai IB World School Memupuk Budaya Membaca dan Celik Maklumat



4 Ogos – Pusat Sumber SMK Pantai IB World School telah mengadakan Pameran Pembelajaran bertemakan perayaan megikut kaum di sekolah berkenaan. Ia memberi peluang kepada pelajar untuk memahami dan menghayati pelbagai perayaan pelbagai kaum di Malaysia.

Pusat Sumber Sekolah adalah sebuah tempat yang menyediakan kemudahan serta koleksi bahan pengajaran dan pembelajaran. Sejajar dengan itu, PSS SMKPIBWS mengadakan aktiviti literasi maklumat melalui program pameran bertema untuk memupuk semangat literasi maklumat bukan sahaja melalui pembacaan melalui buku semata-mata. Pengawas PSS bertindak sebagai pemangkin kepada

penyediaan bahan literasi maklumat dan juga persiapan pameran bertema. Ini sekaligus dapat memupuk sikap berdaya saing, semangat berpasukan dan pembelajaran sepanjang hayat.

Antara objektif program ini ialah untuk memperkenalkan sikap membaca dan mencari maklumat, memupuk pembelajaran sepanjang hayat, mewujudkan suasana pembelajaran di luar kelas, mananamkan sikap bekerjasama dan bertanggungjawab dalam diri pelajar, mewujudkan sebuah pusat sumber sekolah yang selari dengan status IB World School serta mewujudkan suasana pembelajaran yang lebih hidup melalui pameran bertema.



Pelajar SMK Pantai santai membaca bahan bacaan di Pusat Sumber

Majlis Perasmian disempurnakan oleh Pengetua SMK Pantai IB World School, Sahar bin Misron. Beliau inginkan warga SMK Pantai yang celik maklumat dan dapat menghayati budaya perayaan pelbagai kaum di Malaysia. Pada pameran susulan disarankan dikembangkan kepada perayaan pelbagai kaum di seluruh dunia.

Sumber Berita : Sahar bin Misron